

24 OCT 1999

Mahathir-Bangsa

BN UBAH RAKYAT M'SIA JADI BANGSA BERSEMANGAT, BERKEBOLEHAN

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) telah berjaya mengubah rakyat negara ini daripada sebuah bangsa yang kerdil kepada bangsa yang berani, bersemangat dan berkebolehan.

Rakyat negara yang dibentuk oleh BN ini akan meneruskan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, katanya.

"Saya ucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang celik mata, nampak segala kejayaan BN, janganlah ada orang yang tutup mata sama sekali seperti kata pepatah tidak ada orang yang lebih buta daripada orang yang celik tetapi tidak mahu melihat," katanya ketika berucap para majlis sambutan perayaan jubli perak BN di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini.

Dr Mahathir yang juga mengucapkan syabas kerana kejayaan Malaysia menganjurkan acara-acara utama dunia serta kejayaan rakyat Malaysia mencipta rekod dunia, turut mengumumkan bahawa Yang di-Pertuan Agong berkenan mengurniakan anugerah gelaran "Datuk" persekutuan kepada pelayar Datuk Azhar Mansor.

Kunci kejayaan yang dicapai oleh Malaysia itu katanya ialah slogan "Malaysia Boleh" yang dipegang kuat oleh rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Malaysia dalam pengajuran acara dunia dapat dilihat dengan jelas mulai tahun 1989 apabila kerajaan BN menganjurkan Mesyuarat Ketua Negara Komanwel (CHOGM), yang telah diiktiraf sebagai yang terbaik sejak wujudnya Komanwel.

Penganjuran Sukan Komanwel di Kuala Lumpur tahun lepas turut mendapat pengiktirafan sebagai Sukan Komanwel yang terbaik, katanya.

"Minggu lepas, perlumbaan Formula One (F1) di Sirkuit Antarabangsa Sepang, kita dapat laksanakan dengan begitu baik sehingga diiktiraf sebagai kayu ukur kepada perlumbaan F1 seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bukan sahaja berjaya membina sebuah trek perlumbaan kereta yang terbaik di dunia tetapi juga menunjukkan kebolehan pengurusan yang terbaik di dunia.

Rakyat Malaysia juga telah menunjukkan kemampuan mendaki gunung Everest, gunung tertinggi dunia, terjun di kutub utara dan berjalan kaki di kutub utara, dan Datuk Azhar pula berjaya mencipta rekod dunia dengan belayar mengelilingi dunia seorang diri dari Barat ke Timur.

"Sebagai rakyat Malaysia mereka boleh buat segala-galanya," katanya.

Perdana Menteri berkata, bangsa Malaysia suka kepada keamanan dan disebabkan oleh semangat itulah juga BN dibentuk 25 tahun lepas, dengan parti-parti pembangkang bersatu di bawah sebuah parti untuk berjuang membela nasib seluruh rakyat.

BN katanya, adalah sebuah parti yang mewakili semua kaum dan etnik di negara ini dan semua anggota parti komponen bekerjasama dalam kerajaan dan parti.

Parti yang kecil sekalipun boleh menyuarakan pendapat dalam Dewan Tertinggi BN, tiap-tiap parti kecil atau besar ada tiga wakil dengan suara yang sama, tak ada siapa yang suaranya tidak didengar dalam BN," katanya.

Dr Mahathir berkata, dasar-dasar BN mengambil kira pendapat semua kaum walaupun mereka tidak ramai dan tidak besar bilangannya.

"Inilah Barisan Nasional, kita berjaya mentadbir negara, kita berjaya bangunkan negara sehingga Malaysia menjadi termaju di antara negara-negara membangun di dunia," katanya.

-- BERNAMA

AFY PR